

# Pembangunan: PM ingatkan rakyat luar bandar hati2

KUALA SELANGOR, Selasa — Perdana Menteri Datuk Seri **Mahathir Mohamad**, mengingatkan rakyat luar bandar supaya berhati-hati terhadap golongan yang cuba menggagalkan rancangan pembangunan kerajaan.

Beliau berkata, golongan itu cuba mempengaruhi penduduk supaya tidak menyertai rancangan kerajaan.

Golongan itu, katanya, menjadikan penduduk kampung sebagai alat untuk kepentingan peribadi dan hasil daripada titik peluh penduduk itu dikaut oleh mereka.

Berucap di majlis sambutan lawatan beliau dan isteri ke projek Penyusunan Semula Desa, kampung Parit Mahang di sini hari ini, beliau berkata, desakan-desakan mereka itu tidak perlu diberi perhatian oleh rakyat.

"Jika rakyat terpengaruh dengan kata-kata mereka, rakyat juga yang akan menderita, sebaliknya jika mereka menyertai rancangan kerajaan sudah pasti pendapatan mereka akan meningkat," jelas beliau.

Sebelum itu, Perdana Menteri berkata, wajah desa-desa di negara ini akan berubah apabila rancangan Tanaman Berkelompok dan Penyusunan Semula Desa di teruskan di seluruh negara dan juga dapat menambatkan pendapatan rakyat.

Beliau berkata, kerajaan juga sentiasa men-

jalankan kajian di kampung terpencil untuk mengadakan perusahaan kecil bagi memberikan pendapatan tambahan kepada penduduk, di samping pendapatan daripada projek berkelompok itu.

Jelas beliau, tanaman cara berkelompok yang telah dijalankan di beberapa kawasan di negara ini menunjukkan kejayaan seperti kampung Asam Jawa di Kedah.

Dalam kajian yang dilakukan mengenai perbezaan pendapatan penduduk bandar dan luar bandar didapati rakyat luar bandar berpendapatan rendah kerana tidak mengusahakan kebun secara besar-besaran seperti yang dilakukan oleh syarikat-syarikat besar.

Apabila kerajaan mengadakan projek seperti itu, mereka bukan sahaja boleh menerima pendapatan daripada saham yang dilabur tetapi juga menerima pendapatan kerana bekerja dalam projek itu.

"Rakyat juga boleh berbuat demikian

dengan menyertai projek kerajaan itu dengan mencatumkan kebun-kebun kecil dan diusahakan secara ladang," kata beliau.

Perdana Menteri menjelaskan kerajaan juga telah melaksanakan rancangan Kampung Tersusun iaitu kawasan pertanian dibezakan dari kawasan perumahan seperti projek kampung Parit Mahang.

"Ini akan memudahkan pemberian kemudahan asas, termasuk bekalan air, elektrik, jalan raya, sekolah dan lain-lain," tegasnya.

Sebelum ini, kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk menyediakan kemudahan asas kerana penduduk tinggal berjauhan antara satu sama lain.

Mengenai perusahaan kecil pula, beliau berkata, kerajaan telah mengarahkan beberapa jabatan untuk membuat kajian mengenai kesesuaian sesuatu perusahaan.